

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ B. SYED ABDUL
RAHMAN (MUAR)**

TARIKH : 7 OKTOBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan keputusan Polis Diraja Malaysia untuk memanggil dan menyoal siasat peserta di dalam perhimpunan **LAWAN** serta komitmen Kerajaan untuk mempertahankan hak rakyat untuk bersuara secara aman.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa komited mendukung perkara yang termaktub dalam perlembagaan Malaysia bagi memastikan rakyat bebas menyuarakan pendapat selagi mana ianya berlandaskan peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan. Pada masa yang sama, PDRM sentiasa berada dalam keadaan bersiap sedia untuk menghadapi sebarang ancaman dan situasi yang boleh mengganggu gugat ketenteraman awam. Berhubung kejadian perhimpunan **LAWAN** yang diadakan tempoh hari, PDRM membuka kertas siasatan memandangkan perhimpunan tersebut menyukarkan penjarakan fizikal dan pematuhan kepada Standard Operating Procedure (SOP) adalah perkara yang dilarang di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pelan Pemulihan Negara (PPN).